TAN LOON CHAUN T/A CHUAN HENG COMPANY A

lwn.

CHENGAL JAYA SDN BHD

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
ZALEHA ZAHARI HMR
RAUS SHARIF HMR
ABU SAMAH NORDIN HMR
[RAYUAN SIVIL NO: A-02-793-00]
15 JULAI 2008 C

KONTRAK: *Tuntutan bagi kerja-kerja yang dilaksanakan - Kerja-kerja pembinaan - Tuntutan berdasarkan invois-invois plaintif subkontraktor kepada defendan kontraktor utama - Sama ada invois-invois tidak jelas menunjukkan tahap kerja yang disempurnakan - Hakim bicara mempercayai keterangan saksi defendan daripada keterangan saksi plaintif - Sama ada plaintif gagal menunjukkan di manakah silapnya hakim bicara dalam mempercayai keterangan saksi defendan* D

Plaintif adalah sub-kontraktor defendan di mana defendan ialah kontraktor utama dalam satu projek pembinaan sebuah sekolah di Perak. Kes plaintif adalah bahawa defendan masih berhutang sejumlah RM289,354.16 bagi bahan-bahan dan kerja-kerja yang dilaksanakan. Tuntutan plaintif berasaskan invois-invois yang telah dikeluarkan oleh plaintif dan tidak dibayar oleh defendan. Defendan menafikan hutang tersebut. Kes defendan adalah bahawa kerja-kerja projek tersebut berdasarkan kepada 'supply dan fix' di mana plaintif dikehendaki menghantar bahan-bahan yang diperlukan bagi kerja-kerja tersebut sebelum ia diukur dan diperakui oleh defendan. Di atas barangan yang dibekalkan dan kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh plaintif dan diukur serta diperakui oleh defendan, defendan telah membuat bayaran berjumlah RM576,208.45. Hakim bicara telah memtuskan bahawa defendan dikehendaki membayar plaintif hanya RM29,685.38 daripada tuntutan plaintif sebanyak RM289,354.16 tersebut. Maka rayuan plaintif ini. E F G H

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Raus Sharif HMR menyampaikan keputuskan mahkamah:

(1) Invois-invois yang dikemukakan oleh plaintif tidak jelas dan tidak menunjukkan kedudukan kerja-kerja yang dijalankan oleh plaintif. Mereka tidak menunjukkan tahap kerja yang telah disempurnakan tetapi hanya menunjukkan bahan-bahan yang I

dihantar ke tapak-tapak. Tambahan pula, ada di antara mereka yang tiada pengesahan ianya diakuiterima oleh defendan. Plaintif juga tidak kemukakan invois-invois yang terdahulu jika pun benar dakwaan plaintif bahawa bayaran oleh defendan adalah bersandarkan kepada invois-invois. Ini adalah kerana defendan telah pun membuat bayaran kepada plaintif berjumlah RM576,208.45 dan fakta itu tidak dipertikaikan oleh plaintif. (perenggan 16)

(2) Keputusan yang dicapai oleh yang arif hakim bicara berdasarkan kebolehpercayaan saksi-saksi. Di antara keterangan yang bertentangan, yang arif hakim bicara telah memilih untuk mempercayai keterangan saksi defendan daripada saksi-saksi plaintif. Mahkamah di peringkat rayuan sentiasa keberatan bertentangan pendapat dengan pendapat yang arif hakim bicara yang telah melihat dan mendengar saksi-saksi melainkan dapat ditunjukkan dengan jelas beliau adalah silap. Di dalam kes ini, plaintif telah gagal untuk menunjukkan di manakah silapnya yang arif hakim bicara dalam menolak keterangan saksi-saksi plaintif dan sebaliknya menerima keterangan saksi defendan. (perenggan 19)

Kes-kes yang dirujuk:

China Airlines Ltd v. Maltran Air Corporation Sdn. Bhd. & Another Appeal [1996] 3 CLJ 163 FC ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif/perayu - Tiew Way Keng; T/n Armiy Rais
Bagi pihak defendan/responden - Fauziah Mustaffa; T/n Abdul Raman Saad & Assocs

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Taiping; Guaman Sivil No: 22-22-99]

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Raus Sharif HMR:

[1] Ini adalah rayuan oleh plaintif terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi di Taiping yang diberikan pada 3 November 2000. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi ("hakim bicara") telah memutuskan bahawa defendan dikehendaki membayar plaintif hanya RM29,685.38 daripada tuntutan plaintif sebanyak RM289,354.16. Kos diperintahkan ditanggung bersama antara plaintif dan defendan.

[2] Rayuan plaintif telah didengar pada 14 Mei 2008, dan kami sebulat suara telah menolaknya dengan kos.

[3] Di dalam kes ini defendan adalah kontraktor utama yang telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya Perak bagi projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kerian, Perak ("projek"). Plaintif adalah sub-kontraktor defendan yang telah dilantik bagi menjalankan kerja-kerja pembekalan bahan-bahan dan pemasangan paip luar dan paip dalam bagi projek tersebut ("external and internal water reticulation").

[4] Kes plaintif adalah bahawa semua kerja telah siap dilaksanakan dan defendan masih berhutang sejumlah RM289,354.16 ke atas bahan-bahan dan kerja-kerja yang dilaksanakan. Tuntutan plaintif adalah diasaskan kepada invois-invois yang telah dikeluarkan oleh plaintif dan tidak dibayar oleh defendan.

[5] Defendan menafikan berhutang kepada plaintif berjumlah RM289,354.16 tersebut. Kes defendan adalah bahawa kerja-kerja projek tersebut adalah berdasarkan kepada 'supply and fix' di mana plaintif dikehendaki menghantar bahan-bahan yang diperlukan bagi kerja-kerja tersebut dan seterusnya menyelesaikan kerja-kerja tersebut sebelum ia diukur dan diperakui oleh defendan. Di atas barangan yang dibekalkan dan kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh plaintif dan diukur serta diperakui oleh defendan, defendan telah membuat bayaran berjumlah RM576,208.45.

[6] Di perbicaraan di Mahkamah Tinggi, plaintif telah mengemukakan dua orang saksi. Saksi pertama plaintif ialah Tan Guat Sim (SP1) iaitu seorang kerani di syarikat plaintif. Semasa memberi keterangan, SP1 telah mengemukakan invois-invois berkaitan barang-barang yang dihantar kepada defendan. Menurutnya invois-invois yang dikeluarkan kepada defendan adalah berdasarkan kontrak lisan antara plaintif dan defendan dan beliau tidak terlibat dalam perbincangan kontrak. Walau bagaimanapun, menurutnya, invois-invois yang ditanda P1-94 ada menyatakan barang-barang yang dihantar serah dan kerja-kerja yang dilaksanakan.

[7] Saksi kedua plaintif ialah Tan Loon Chuan (SP2) iaitu pengurus dan pemilik syarikat plaintif. Dalam keterangannya, SP2 telah memperincikan tuntutan plaintif seperti berikut:

(i)	Harga barangan adalah	RM109,098	
	Defendan telah membayar	RM101,959	
	Baki	RM 7,139	
(ii)	Harga upah kerja-kerja luar bangunan adalah	RM156,045.31	
	Telah dibayar	RM124,529.95	
	Baki	RM 31,515.36	
(iii)	Harga upah kerja dalam bangunan	RM600,421.30	
	Telah dibayar	RM349,719.50	
	Baki	RM250,701.80	
	Jumlah Besar		RM289,354.16

[8] Menurut SP2, tidak ada perjanjian bertulis dimasuki antara plaintif dan defendan. Pembayaran oleh defendan adalah berdasarkan kepada invois-invois yang dikeluarkan oleh plaintif.

[9] Defendan memanggil Encik Aminudin bin Mohd Zain (SD1) sebagai saksi. SD1 adalah pengurus syarikat defendan. Dalam keterangannya SD1 menyatakan bahawa sub-kontraktor asal defendan untuk membuat kerja-kerja projek tersebut ialah Inai Pasifik Sdn. Bhd. tetapi Inai Pasifik Sdn. Bhd. gagal menyempurnakan kerja-kerja mereka dan dengan itu plaintif, dengan persetujuan defendan, telah mengambil alih kerja-kerja daripada Inai Pasifik Sdn. Bhd. Pembayaran kepada plaintif adalah berdasarkan prinsip kontrak 'supply and fix' di mana kerja-kerja yang dilakukan oleh plaintif adalah dinilai dan diperakui oleh defendan.

[10] Menurut SD1 bahawa defendan telah bersetuju melantik plaintif sebagai sub-kontraktor menggantikan Inai Pasifik Sdn. Bhd. bagi menjalankan kerja-kerja tersebut atas dasar plaintif akan memberikan 30% diskaun daripada jumlah keseluruhan kontrak. Jadi menurut SD1, hanya terdapat baki sebanyak RM29,685.38 yang masih belum disahkan daripada jumlah yang sepatut dibayar. Perkiraan SD1 adalah seperti berikut:

Jumlah Kontrak Asal	RM865,562.61
Jumlah Kontrak setelah ditolak 30% diskaun	RM605,893.83
Jumlah yang dibayar oleh defendan	RM576,208.45
Baki	RM 29,685.38

[11] Menurut SD1 lagi bahawa kerja-kerja yang dilaksanakan oleh plaintif belum selesai disempurnakan dan masih terdapat kerja-kerja plumbing yang perlu dibaiki oleh plaintif.

[12] Setelah mengkaji keterangan saksi-saksi dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh plaintif dan defendan serta hujahan-hujahan kedua-dua peguamcara, yang arif hakim bicara telah memutuskan bahawa plaintif gagal membuktikan tuntutannya terhadap defendan berdasarkan kepada jumlah yang dituntut iaitu RM289,354.16, dan dengan itu memutuskan:

(i) Tuntutan perayu untuk jumlah RM289,354.16 ditolak.

(ii) Defendan dikehendaki membayar RM29,685.38 yang merupakan jumlah terakhir daripada jumlah kontrak yang telah ditolak 30% diskaun seperti yang telah dipersetujui.

(iii) Plaintif diarahkan untuk menyelesaikan kerja-kerja yang masih tertangguh di tapak projek tersebut dengan kos ditanggung bersama oleh plaintif dan defendan.

(iv) Kos prosiding ditanggung bersama-sama oleh plaintif dan defendan.

[13] Dalam membuat keputusan seperti di atas, yang arif hakim bicara telah membuat dapatan fakta bahawa:

(i) Perjanjian atau persetujuan di antara plaintif dan defendan bagi kerja-kerja projek tersebut adalah berdasarkan 'supply and fix' iaitu pihak plaintif dikehendaki menghantar bahan-bahan yang diperlukan bagi kerja-kerja projek tersebut dan seterusnya menyelesaikan kerja-kerja tersebut. Pembayaran hanya akan dibuat oleh responden berdasarkan jumlah kerja yang diselesaikan dan diakui sah.

(ii) Wujud persetujuan antara plaintif dan defendan di mana plaintif telah bersetuju memberikan diskaun 30% kepada defendan daripada jumlah keseluruhan harga bagi bahan-bahan yang dibekalkan dan kerja-kerja projek yang dijalankan oleh plaintif.

(iii) Pembayaran bagi bahan-bahan yang dihantar dan pembayaran bagi kerja-kerja yang dijalankan adalah tidak dibuat secara berasingan dan jumlah pembayaran hanya dibuat kepada plaintif berdasarkan kepada jumlah kerja yang telah diselesaikan dan diakui sah oleh kedua-dua pihak.

(iv) Invois-invois yang dikemukakan oleh plaintif adalah tidak jelas dan tidak menunjukkan kedudukan kerja-kerja yang telah dijalankan oleh plaintif.

(v) Plaintif telah gagal mengemukakan dokumen tuntutan terakhir bagi kerja-kerja pembinaan yang telah dilaksanakan walaupun telah diminta oleh defendan untuk dikaji bagi tujuan pembayaran.

[14] Di hadapan mahkamah ini, peguam plaintif yang bijaksana telah berhujah bahawa yang arif hakim bicara telah terkhilaf dalam membuat penemuan fakta-fakta tersebut. Dengan hormatnya, kami tidak dapat bersetuju.

[15] Sudah menjadi prinsip mantap bahawa mahkamah di peringkat rayuan tidak akan merubah dapatan fakta mahkamah bawahan melainkan dapat ditunjukkan bahawa dapatan fakta itu adalah tidak selari dengan keterangan yang dikemukakan. (Lihat *China Airlines Ltd v. Maltran Air Corporation Sdn. Bhd. & Another Appeal* [1996] 3 CLJ 163). Plaintif telah gagal untuk menunjukkan yang arif hakim bicara adalah silap dalam membuat dapatan fakta-fakta tersebut.

[16] Di dalam kes ini plaintif telah bersandarkan tuntutannya sebanyak RM289,354.16 kepada invois-invois yang dikemukakan di mahkamah. Yang arif hakim bicara mendapati invois-invois tersebut adalah tidak jelas dan tidak menunjukkan kedudukan kerja-kerja yang dijalankan oleh plaintif. Kami bersetuju di atas dapatan fakta yang arif hakim bicara tersebut. Pertama, invois-invois tidak menunjukkan tahap kerja yang telah disempurnakan tetapi hanya menunjukkan bahan-bahan yang dihantar ke tapak projek. Tambahan pula ada di antara invois-invois tersebut tidak ada

pengesahan ianya telah diakuiterima oleh defendan. Keduanya, jika pun benar dakwaan plaintif bahawa bayaran oleh defendan adalah bersandarkan kepada invois-invois yang dikemukakan plaintif, kenapakah invois-invois yang terdahulu tidak dikemukakan untuk menunjukkan kedudukan yang sedemikian. Ini adalah kerana defendan telah membuat bayaran kepada plaintif berjumlah RM576,208.45 dan fakta ini tidak dipertikaikan oleh plaintif. Jadi yang arif hakim bicara adalah tidak silap apabila menolak dakwaan plaintif bahawa bayaran kepada plaintif oleh defendan adalah berdasarkan kepada invois-invois yang dikemukakan.

[17] Mengenai diskaun 30%, plaintif telah berhujah bahawa 30% yang dipersetujui adalah merujuk kepada RM289,354.16 dan bukan keseluruhan kontrak sebanyak RM865,562.61. Plaintif merujuk kepada surat peguamcara plaintif yang bertarikh 28 Jun 1999 di mana antara lain menyatakan:

> Kami difahamkan oleh anakguam kami bahawa pihak tuan masih berhutang jumlah sebanyak RM289,354.16 kepada anakguam kami. Walau bagaimanapun kami menawarkan diskaun 30% kepada pihak tuan, tuan masih enggan menyelesaikan jumlah tersebut. Kami ada arahan untuk mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut keseluruhan jumlah tersebut.

Menurut plaintif, surat tersebut jelas hanya menawarkan diskaun 30% daripada RM289,354.16.

[18] Kami berpendapat bahawa surat peguam plaintif itu bukanlah keterangan yang mutlak. Tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa pihak defendan bersetuju bahawa diskaun adalah untuk jumlah RM289,354.16. Sebaliknya, terdapat keterangan SD1, bahawa diskaun 30% adalah terma yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak pada peringkat awal urusniaga di mana diskaun 30% adalah atas keseluruhan harga kontrak. Menurut SD1 persetujuan tersebut telah diberikan sebagai balasan kepada kontrak yang ditawarkan kepada plaintif setelah sub-kontraktor terdahulu iaitu Inai Pasifik Sdn. Bhd. gagal menyempurnakan kerja-kerja yang ditawarkan kepada mereka. Keterangan SD1 telah diterima oleh yang arif hakim bicara dan kami tidak ada sebab untuk tidak bersetuju.

[19] Kesimpulannya, kami berpendapat bahawa keputusan yang dicapai oleh yang arif hakim bicara di dalam kes ini adalah berdasarkan kepada kebolehpercayaan saksi-saksi. Di antara keterangan yang bertentangan, yang arif hakim bicara telah memilih

untuk mempercayai keterangan saksi defendan daripada saksi-saksi plaintif. Mahkamah di peringkat rayuan sentiasa keberatan bertentangan pendapat dengan pendapat yang arif hakim bicara yang telah melihat dan mendengar saksi-saksi melainkan dapat ditunjukkan dengan jelas beliau adalah silap. Di dalam kes ini pihak plaintif telah gagal untuk menunjukkan di manakah silapnya yang arif hakim bicara dalam menolak keterangan SP1 dan SP2 dan sebaliknya menerima keterangan SD1. Jadi kami tidak ada sebab untuk merubah dapatan fakta-fakta seperti yang dicapai oleh yang arif hakim bicara.

[20] Atas alasan-alasan tersebut di atas rayuan plaintif telah ditolak dengan kos. Deposit diperintahkan dibayar kepada defendan yang menjadi sebahagian kos yang akan ditafsirkan.